


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Bedah Siasat Medikolegal dan Bedah Siasat Klinikal:

Memahami Perbezaan dan Kepentingannya

Dr Wan Mohammad Hafiz Wan Razali
Pensyarah Perubatan dan Pakar Patologi Forensik, Fakulti Perubatan

Bedah siasat atau autopsi ialah pemeriksaan yang dilakukan ke atas jasad seseorang selepas kematian untuk mendapatkan maklumat saintifik tentang keadaan seseorang sebelum kematian, termasuk mengenal pasti penyakit, kecederaan, atau sebab sebenar kematian. Dalam konteks sistem perubatan dan undang-undang di Malaysia, bedah siasat terbahagi kepada dua kategori utama iaitu bedah siasat medikolegal yang mana juga dikenali sebagai bedah siasat forensik, dan yang keduanya adalah bedah siasat klinikal atau autopsi hospital. Kebanyakan masyarakat di Malaysia masih keliru mengenai tujuan dan keperluan kedua-dua jenis bedah siasat ini. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan perbedaannya serta mengapa kedua-duanya memainkan peranan penting dalam sistem kesihatan dan keadilan negara.

Bedah Siasat Medikolegal: Tujuan dan Kuasa Undang-Undang

Tujuan utama bedah siasat medikolegal adalah untuk menentukan punca, cara dan keadaan kematian, serta mengenal pasti identiti si mati sekiranya belum dikenal pasti. Ia dijalankan apabila kematian melibatkan unsur keganasan, kemalangan, mencurigakan, dan berlaku secara mengejut. Di Malaysia, bedah siasat ini dijalankan atas arahan pihak polis yang menjalankan penyiasatan tentang kematian dan bukan diatas permintaan waris ataupun pihak hospital. Punca kuasa bagi membenarkan pihak polis untuk menjalankan siasatan mengenai kematian adalah berdasarkan seksyen-seksyen di bawah Bab Siasatan Kematian yang terkandung dalam Akta 593 Kanun Tatacara Jenayah. Setiap arahan untuk pemeriksaan mayat, pegawai penyiasat akan mengeluarkan Borang Polis 61 untuk mengarahkan pegawai perubatan kerajaan menjalankan pemeriksaan mayat bagi tujuan siasatan.

Dalam kes ini, persetujuan waris tidak diperlukan kerana bedah siasat medikolegal dianggap sebahagian daripada proses penyiasatan jenayah. Pegawai perubatan mestilah pegawai perubatan kerajaan yang hanya dibenarkan untuk menjalankan bedah siasat dengan kehadiran pegawai polis bagi memastikan setiap bukti dikumpul dengan betul mengikut prosedur rantai jagaan (*chain of*

custody). Laporan bedah siasat kemudiannya digunakan oleh pihak polis, pendakwa raya atau mahkamah bagi menentukan sama ada kematian itu melibatkan unsur jenayah atau sebaliknya. Oleh itu, bedah siasat medikolegal bukan semata-mata untuk mengetahui sebab kematian, tetapi juga untuk mengumpul bukti saintifik yang boleh membantu pihak kehakiman menegakkan keadilan.



Proses dan Pelaksanaan Bedah Siasat Medikolegal

Setelah menerima arahan rasmi daripada pegawai penyiasat polis melalui Borang Polis 61, pegawai perubatan yang secara amnya ialah doktor yang bekerja di unit atau jabatan forensik akan menjalankan pemeriksaan luaran dan dalaman ke atas jasad. Pemeriksaan ini termasuk dokumentasi gambar, pengukuran luka, pembedahan organ dalaman, dan pengambilan sampel darah, air kencing, serta tisu untuk ujian toksikologi, histopatologi dan ujian makmal yang lain jika perlu. Semua bahan bukti disimpan dengan label dan rekod terperinci untuk memastikan rantai jagaan tidak terputus. Setelah semua ujian atau pemeriksaan sudah selesai di analisis, laporan akhir kemudian dihantar kepada pegawai penyiasat dan diserahkan kepada mahkamah bagi tujuan inkues atau pendakwaan.

Kepentingan dan Manfaat Bedah Siasat Medikolegal


Bedah siasat medikolegal berperanan penting dalam menegakkan keadilan. Ia membantu pihak berkuasa menentukan sama ada sesuatu kematian berpunca daripada perbuatan jenayah, kemalangan, atau sebab semula jadi. Dalam kes-kes tertentu, laporan autopsi juga menjadi bukti penting bagi tuntutan insurans atau pampasan pekerja. Selain itu, ia menyumbang kepada kesihatan awam melalui pengesanan wabak, keracunan, atau bahan toksik yang boleh menjejaskan orang ramai. Hasil autopsi juga membolehkan pihak polis mengenal pasti corak

atau modus operandi pembunuh, sekali gus membantu mencegah kejadian serupa di masa hadapan.

Walaupun begitu, isu sensitiviti agama dan budaya sering menjadi cabaran. Sebahagian masyarakat beranggapan bedah siasat melambatkan pengebumian atau mencemar kehormatan jenazah. Namun, pandangan Islam membenarkan bedah siasat dilakukan jika ia bertujuan menegakkan keadilan atau mengelak mudarat yang lebih besar. Dalam amalan forensik Malaysia, setiap bedah siasat dilaksanakan dengan penuh hormat dan mematuhi garis panduan etika serta syariah.

Bedah Siasat Klinikal: Tujuan dan Pelaksanaan

Berbeza dengan bedah siasat medikolegal, bedah siasat klinikal dilakukan atas permintaan doktor yang merawat untuk tujuan perubatan, pendidikan atau penyelidikan. Matlamat utamanya ialah untuk menjelaskan atau mengesahkan diagnosis penyakit dan memahami punca sebenar kematian, terutama apabila pesakit meninggal dunia di hospital dengan sebab yang tidak jelas. Bedah siasat klinikal juga digunakan untuk menilai keberkesanan rawatan serta mengenal pasti komplikasi penyakit.



Dalam konteks ini, persetujuan bertulis daripada waris terdekat amat diperlukan. Doktor akan menerangkan kepada keluarga tentang tujuan autopsi dan memberi ruang kepada mereka untuk membuat keputusan. Jika waris bersetuju, borang kebenaran akan ditandatangani; jika menolak, mereka akan menandatangani borang penolakan rasmi. Oleh sebab ia bukan siasatan jenayah, tiada pegawai polis hadir dan tiada rangkaian bukti diperlukan. Pemeriksaan yang dilakukan oleh pakar patologi memberi tumpuan kepada aspek anatomi dan penyakit, bukannya mencari bukti jenayah.

Kepentingan Bedah Siasat Klinikal

Autopsi klinikal membantu menilai tahap ketepatan diagnosis dan kualiti rawatan di hospital. Kajian antarabangsa menunjukkan autopsi masih mampu mendedahkan kesilapan diagnostik utama dalam 10–20% kes walaupun dengan kemajuan teknologi moden. Ia turut berfungsi sebagai alat pendidikan kepada pelajar perubatan, pegawai perubatan dan pakar, kerana melalui autopsi, mereka dapat memahami anatomi dan proses penyakit secara langsung. Dari sudut penyelidikan, autopsi klinikal menyumbang kepada penemuan penyakit baharu dan memperkukuh dasar kesihatan awam. Selain itu, laporan bedah

siasat klinikal boleh memberikan kelegaan emosi kepada keluarga kerana mereka mendapat penjelasan saintifik tentang kematian orang tersayang. Ia juga membantu pihak hospital menilai amalan klinikal dan memperbaiki mutu perkhidmatan. Dalam sesetengah kes, laporan autopsi klinikal turut diperlukan untuk menyokong tuntutan insurans atau pampasan kemalangan.

Cabaran dan Persepsi Masyarakat

Kadar pelaksanaan autopsi klinikal semakin menurun di seluruh dunia termasuk di Malaysia, antara lain disebabkan oleh kekangan masa, kos, dan keengganan keluarga. Persepsi bahawa bedah siasat

“menyakitkan” jenazah atau menangguhkan pengebumian turut menjadi faktor. Walau bagaimanapun, dengan penerangan yang jelas serta jaminan bahawa jasad dikendalikan dengan penuh hormat, penerimaan masyarakat terhadap autopsi dijangka akan meningkat.

Bedah siasat medikolegal dan bedah siasat klinikal masing-masing memainkan peranan tersendiri dalam sistem kesihatan dan keadilan di Malaysia. Walaupun matlamatnya berbeza, kedua-duanya berkongsi nilai yang sama iaitu mencari kebenaran melalui sains. Bedah siasat medikolegal penting untuk memastikan keadilan ditegakkan serta membantu pihak berkuasa memahami punca sebenar kematian yang mencurigakan. Bedah siasat klinikal pula menyumbang kepada peningkatan mutu rawatan dan ilmu perubatan dengan menjelaskan bagaimana penyakit menjejaskan tubuh manusia.

Masyarakat perlu memahami bahawa kedua-dua jenis bedah siasat ini dijalankan dengan penuh profesionalisme dan hormat terhadap jasad. Autopsi bukanlah satu bentuk penderaan, sebaliknya suatu proses ilmiah yang penting untuk mencari kebenaran, menambah ilmu dan melindungi kehidupan yang masih ada. Dengan kefahaman yang betul dan penerimaan yang terbuka, bedah siasat dapat terus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemajuan bidang perubatan di Malaysia.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.